



BAB SATU

BAB SATU : MENGENALI REMAJA

1.1 Pendahuluan

Proses kehidupan manusia sentiasa mengalami perkembangan dan pertumbuhan. Bermula dari peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan akhirnya menjadi tua. Pada setiap peringkat, manusia mengalami pelbagai bentuk perubahan. Ramai cendikiawan mengatakan bahawa peringkat usia remaja, merupakan jangkamasa yang paling panjang dan penuh cabaran.

Justeru, di dalam bab ini penulis mengkaji tentang remaja meliputi definisi remaja, tahap perkembangan remaja dari sudut perubahan fizikal, emosi, mental dan sosial. Perbincangan melibatkan masalah psikologi dan konflik remaja juga dibincangkan secara umum terutamanya yang melibatkan krisis identiti diri dan hubungan remaja dengan persekitaran termasuk hubungan dengan keluarga, pihak sekolah dan rakan sebaya, remaja dan kerjaya serta hubungan mereka dengan masyarakat sekitarnya.

1.2 Definisi Remaja

Secara umumnya definisi remaja tidak dapat diberikan secara tepat. Pelbagai penafsiran diberikan oleh ahli bahasa, ahli psikologi dan ahli sosiologi melalui gambaran penilaian masing-masing dari pelbagai sudut.

Kamus Dewan menakrifkan remaja sebagai individu yang mulai dewasa dan sudah akil baligh serta cukup umur untuk berkahwin. Ini bererti dalam diri remaja sudah mulai timbul keinginan terhadap gadis dan lelaki.¹

Kathleen M. White² mendefinisikan remaja sebagai masa peralihan yang berlanjutan dari peringkat dewasa yang dialami oleh ahli sesuatu masyarakat. Pada peringkat ini, seseorang individu akan menghadapi peranan dan harapan yang berbeza pada masa kanak-kanak dahulu. Malahan mereka dijangka akan lebih bertanggungjawab dan dominan dalam hubungan dengan orang lain.²

Menurut Hall pula, remaja ditakrifkan sebagai satu peringkat dalam perkembangan kehidupan seseorang manusia yang penuh dengan keributan dan tekanan. Satu perjalanan hidup yang penuh dengan idealisme, kecapaian matlamat, pemberontakan menentang orang dewasa, asmara dan cinta, tekanan perasaan individu, pendekatan serta kegelisahan. Berbagai-bagai perubahan berlaku ke atas diri individu remaja termasuklah perubahan fizikal, kematangan seksual, bertambahnya sudut emosi dan konflik serta kesedaran pada moral dan sosial. Masa peralihan inilah yang menggalakkan remaja ghairah untuk mencuba sesuatu yang baru.³

Di dalam buku *Adolescents*, Guy Lefrancois menyimpulkan pendapat beberapa orang pengkaji Barat bahawa definisi remaja akan dapat difahami apabila ditinjau melalui lima sudut yang berlainan, iaitu fizikal, umur, emosi, mental, dan persekitaran serta moral. Dari sudut fizikal remaja akan mengalami perubahan

¹ Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.693

² Kathleen M. White (1969). *Remaja*. Maznah Ismail (terj.). Kuala Lumpur : DBP, h.8

³ G. Stanley Hall (1904), *The Adolescent*. vol.5 London : Mc Millan, h.45

bentuk badan, perkembangan pada ciri-ciri seks, perkembangan pengaliran hormon yang berkaitan alat seks dan perkembangan ciri-ciri seks sekunder. Naluri seks dan keinginan kepada jantina yang berlawanan adalah begitu tinggi pada tahap ini. Dari sudut umur pula masa remaja bermula dari usia 10 hingga 21 tahun bagi perempuan dan 12 hingga 25 tahun bagi lelaki. Akibat pertumbuhan fizikal, remaja lebih dikuasai emosi berbanding perasaan atau fikiran. Ini menyebabkan kecelaruan dalam diri Mereka belum cukup matang untuk bertindak secara rasional. Bagaimanapun, remaja mula memahami hal-hal yang bersifat abstrak dan mula boleh berdiskusi secara beransur-ansur. Pada waktu ini pertumbuhan sosial mereka semakin berkembang. Wujud perasaan ingin menyintai dan dicintai dalam diri remaja. Mereka mudah dipengaruhi oleh apa yang mereka lihat, baca dan tontoni. Justeru, pada waktu ini, remaja memerlukan bimbingan untuk menerima segala perubahan tersebut secara positif.⁴

Kenyataan di atas disokong oleh pandangan ahli sosiologi yang memberikan tumpuan terhadap perilaku yang muncul akibat pengaruh persekitaran sosial di mana remaja berada. Bagi mereka, remaja dibentuk oleh persekitaran. Mereka melihat remaja sebagai manusia yang sedang menuju kematangan hasil daripada proses sosiologi iaitu remaja belajar membiasakan diri dengan cara, ideal, kepercayaan, nilai, dan norma kebudayaan masyarakat untuk dijadikan sebahagian daripada personaliti. Ini bererti setiap orang yang ingin berdepan dengan mereka perlu memahami perbezaan kebudayaan masyarakat tersebut.⁵

⁴ Guy R. Lefrancois (1983), *Adolescents*. 2nd Edition, Belmont, California : Wadsworth Publishing Company, h.5

⁵ Ibrahim Mamat(1997) *Memimpin Remaja di Sekolah : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. h. 6

Dalam Islam pula tidak ada istilah khusus untuk remaja. Bagaimanapun, pemahaman tentang remaja boleh didapati apabila ada dikalangan cendikiawan Islam membahagikan peringkat usia menuju waktu muda manusia kepada dua fasa. Peringkat pertama, selepas bermulanya mimpi bagi anak lelaki dan kedatangan haid untuk anak-anak perempuan. Peringkat kedua pula ialah peringkat kematangan bermula dari 22 tahun sehingga 30 tahun.⁶ Pada peringkat pertama itulah yang dinamakan remaja iaitu bermulanya baligh sehingga usia 22 tahun. Baligh diambil kira sebagai ukuran kepada usia remaja dalam Islam kerana apabila baligh, akan bermulalah perubahan fizikal dan mental serta emosi secara global dalam tahap perkembangan individu.⁷

Kebiasaanya tahap remaja akan berakhir apabila individu mampu menyara diri sendiri, memiliki kerjaya tetap dan stabil, berkahwin dan membina keluarga.⁸

Berdasarkan pengertian daripada beberapa pandangan yang diberikan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa zaman remaja pasti akan dilalui oleh setiap insan. Walaupun tidak ada tahap umur yang mutlak ditentukan untuk mengetahui bermulanya usia remaja, namun rata-rata ahli psikologi mengatakan ianya bermula apabila seseorang manusia mula mengalami perubahan dari sudut fizikal, naluri, psikologi, emosi dan intelektual. Pada peringkat ini, remaja lebih bertindak mengikut emosi berbanding akal fikiran. Rakan sebaya dan persekitaran pula banyak mempengaruhi stail, pemikiran dan penampilan remaja.

⁶ Muhammad 'Azmī 'Abdul (1985), *Ta'ammūl al-Islām fi Ru'yatī al-Sahāb*. Kaherah : Dār al-Sāhwaḥ, h.25

⁷ Hasnah Ghani (1995), *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam : Hizbi, h.4

⁸ Anna Alisjah Banna et al. (1994), *Menuju Kesejahteraan Jiwa*. Kuala Lumpur : DBP, h. 47

1.3 Peringkat Perkembangan Remaja

Ahli psikologi membahagikan peringkat perkembangan remaja kepada beberapa peringkat iaitu :

1.3.1 Peringkat Pra-Remaja

Pada peringkat ini, berlaku perkembangan dan pertumbuhan yang pesat terutamanya pada tingkahlaku dan keinginan untuk memasuki kelompok yang sama jantina atau jenis.⁹ Biasanya tidak ada tahap umur yang khusus untuk menentukan pra-remaja kerana ianya banyak bergantung kepada kematangan fizikal dan keinginan individu serta kebudayaan masyarakat.¹⁰ Bagaimanapun rata-rata ahli psikologi menganggarkan bahawa masa ini meliputi kanak-kanak dalam lingkungan umur 10 hingga 11 tahun bagi perempuan dan 12 hingga 14 tahun bagi lelaki.

Menurut Barbara M. Newman perubahan fizikal kanak-kanak pada peringkat ini masih belum nyata. Akan tetapi anak-anak perempuan mula memperlihatkan penambahan berat badan yang cepat.¹¹ Perubahan ini disertai dengan sifat tersangat peka kepada rangsangan yang menyebabkan mereka mudah tersinggung dan mudah menangis, tetapi cepat baik semula.¹²

⁹ Barbara M. Newman, Philips R. Newman (1991), *op.cit.*, h. 370

¹⁰ Sharifah Alwiyah Al-Sagoof (1986), *Psikologi Pendidikan II : Psikologi Pembelajaran dan Kognitif. Bimbingan dan Kauseling*. K.L. : Heinemann (Malaysia), h. 38

¹¹ Barbara M. Newman, Philips R. Newman (1991), *op.cit.*, h. 370

¹² Anna Alisjah Banna et.al (1984), *op.cit.*, h. 51

Peringkat ini juga disebut sebagai awal akil baligh. Menurut kajian yang dibuat oleh Blyth, Bulcroft dan Simmons , remaja lelaki yang melalui akil baligh awal lebih beruntung kerana mereka didapati lebih sihat, lebih kuat dan sering menjadi atlit yang baik berbanding rakan-rakan sebaya yang lambat baligh¹³. Mereka biasanya lebih dipandang tinggi oleh rakan sebaya dan orang dewasa. Dengan itu, mereka mempunyai konsep kendiri yang stabil serta memiliki ciri-ciri kepimpinan yang terserlah.¹⁴

Mussen dan Jones menyatakan bahawa remaja yang lambat baligh selalu mengatasi kelemahan fizikal dengan bekerja kuat untuk mendapatkan perhatian orang ramai.¹⁵ Dikalangan remaja perempuan yang awal akil balighnya akan memberikan kesan campuran. Ada yang menerima baik perubahan diri mereka dan ada yang lebih merasa malu dan disingkirkan dari rakan sebaya. Bagi mereka yang bersifat positif, mereka beruntung kerana mempunyai hubungan yang lebih baik daripada rakan sebaya serta ibu bapa mereka.¹⁶

Kesimpulannya, peringkat pra-remaja merupakan permulaan awal kanak-kanak dalam proses menuju kepada alam remaja. Pada peringkat ini pertumbuhan fizikal seperti perubahan bentuk badan bagi anak-anak perempuan dan pertambahan berat badan bagi anak-anak lelaki sudah berlaku kepada sesetengah individu tetapi masih belum nyata. Ada individu yang boleh menerima perubahan diri dalam keadaan positif manakala ada yang takut untuk menerima kenyataan tersebut. Ini

¹³ Blyth et al. (1981), "The Impact of Puberty On Adolescents : A Longitudinal Study", (Paper Presented at The Annual Convention of the American Psychological Association, Los Angeles 1981)

¹⁴ Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1984), *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bandar Baru Bangi, Selangor : Tekno Edar,h. 27

¹⁵ Mussen P.H et al (1957), "Self-conceptions, Motivations and Interpersonal Attitudes of Late and Early Maturing Boys". *Journal of Child Development*. h. 28

¹⁶ Asmah Bee, Iran Herman (1984), *op. cit.*,h.28

menyebabkan berlakunya tanda-tanda ketidakstabilan emosi pada peringkat ini. Justeru, mereka memerlukan sokongan terutamanya daripada keluarga untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

1.3.2 Peringkat Awal Remaja

Peringkat ini adalah sambungan kepada alam pra-remaja. Ia merupakan tahap pertumbuhan remaja menuju ke alam kedewasaan. Biasanya tahap ini berlaku setelah remaja berada pada tahun kedua atau ketiga baligh. Peringkat ini dikenalpasti dengan berlakunya perubahan-perubahan yang pesat dari aspek-aspek berikut :

1.3.2 (a) Perkembangan Jasmani

Umumnya pada tahap ini, perubahan pada alat kelamin dan fizikal semakin nyata. Perkembangan dan pertumbuhan fizikal dari sudut berat dan tinggi adalah pesat terutama semasa berusia 14 – 16 tahun bagi kanak-kanak lelaki.¹⁷ Selera makan mereka bertambah dan bentuk badannya bertambah keras serta kelihatan lebih besar daripada kanak-kanak perempuan. Suara juga berubah menjadi garau.¹⁸ Malahan perubahan yang serta merta semasa akil baligh ini akan menambahkan hormon estrogen yang merangsang dorongan seks mereka. Ini menyebabkan keinginan seks semakin bertambah.¹⁹

¹⁷ Carron,A.V et al. (1974), "Strength Development in Boys From 10 Through 16 years", (*Monographs of The Society For Research in Child Development*). Bil.39, h. 4

¹⁸ Tang Chee Yee (1990), *Asas Psikologi Perkembangan*. KL: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. h.97

¹⁹ Derek Llewellyn Jones (1992) *Rahsia Wanita*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 42.

Lihat sama A. Gaddis, Brooks-Gunn(1985), "The Male Experiences of The Pubertal Change", *Journal of Youth and Adolescence*: Bil. 14, h. 61-69

Bagi kanak-kanak perempuan pula, bentuk tubuh mereka mengalami perubahan yang ketara dari sudut saiz dan berat badan selepas mereka mengalami kedatangan haid yang pertama. Apabila berusia 14 tahun, pada umumnya kanak-kanak perempuan telah menunjukkan sifat-sifat kewanitaan dan terdapat pertumbuhan sel-sel lemak terutamanya pada bahagian punggung dan dada.²⁰

1.3.2 (b) Aspek Perkembangan Mental

Menurut Tang Chee Yee, akibat perubahan hormon dalam badan yang pesat dan drastik, seseorang remaja mula mencapai perubahan dari sudut mentalitinya. Pemikirannya semakin berkembang. Pada peringkat ini, mereka merasakan pembacaan dan pengetahuan amat penting. Kecenderungan ini mendorong remaja menambahkan ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman, berbeza dari zaman kanak-kanak yang hanya menerima sesuatu secara asasnya sahaja.²¹

Hasil kajian Inhelder & Piaget²² dan juga kajian yang dibuat oleh Acredola, Adam & Schmid²³ mendapati bahawa pada tahap ini, remaja mula memahami idea-idea yang lebih mendalam dan kreatif serta mampu berimajinasi tentang apa yang berlaku pada sesuatu keadaan. Mereka juga berupaya membuat hipotesis bagi menyelesaikan masalah.

²⁰ Hill, J.P (1988), "Adapting to Menarche : Familial Control and Conflict" dalam M.R Gunnar dan W.A Collins (ed.), *Development During The Transition to Adolescence*, Minnesota Symposium on the Child Psychology. Vol.21, Hillsdale : New York : Erlbaum, h. 47

²¹ Tang Chee Yee (1990), *op.cit*, h.98-99

²² Inhelder, B., Piaget (1958), *The Growth of Logical Thinking From Childhood to Adolescence*, New York : Basic Books, h. 457

²³ Acredola *et.al.* (1984), "On the Understanding of The Relationships Between Speed, Duration and Distance", *Journal of Child Development*. h. 2151 - 2159

1.3.2 (c) Aspek perkembangan emosi

Remaja pada tahap ini terdedah kepada jenis emosi yang pelbagai. Antaranya bersikap positif, riang, yakin dengan diri sendiri, takut dan cemburu, kekecewaan keimbangan, malu, rasa bersalah, sedih, marah dan seumpamanya.²⁴ Emosi-emosi ini sering berubah mengikut perubahan situasi dan suasana. Kadang-kadang mereka bertindak agresif dan sering berada dalam kegelisahan dan keresahan.²⁵

Remaja cepat melatah dan mudah bertindak sehingga ke tahap hilang kawalan diri. Ini menunjukkan keadaan mereka yang begitu sensitif, tidak sabar dan tidak bertindak mengikut akal fikiran yang waras. Remaja pada tahap ini juga akan mengalami suatu perasaan yang belum pernah dialaminya sebelum ini seperti kebangkitan nafsu syahwat dan seks. Mereka sering dibuai khayalan alam fantasi. Ketidakstabilan emosi inilah yang sering mendatangkan masalah kepada remaja jika tidak dikawal.²⁶

²⁴ Adelson.J et al (1980), "The Psychodynamic Approach to Adolescence" dalam J. Adelson (ed). *Handbook of Adolescent Psychology*, New York : Wiley, h. 114

²⁵ Muhd Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd Tamin (1986), *Psikologi Remaja*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 22

²⁶ Rubiah Kulop Hamzah (1994), *Remaja dan Cinta*. Kuala Lumpur : DBP, h.28

1.3.2 (d) Aspek perkembangan sosial

Pada peringkat ini remaja mula ingin mendapatkan kebebasan dan lebih cenderung kepada pengaruh rakan sebaya.²⁷ Mereka menganggap hanya rakan-rakan sebaya mereka sahaja yang memahami masalah mereka berkaitan dengan bidang pelajaran, pekerjaan, konflik jiwa dan sebagainya. Ini kerana wujudnya keintiman emosi, sokongan dan persefahaman sesama mereka, sekaligus sebagai teman untuk bergembira. Situasi ini mendorong mereka mementingkan rakan sebaya berbanding keluarga sendiri.²⁸ Malah ada diantara remaja yang sudah berani membantah arahan ibu bapa dan guru serta lebih bersedia untuk menerima perintah rakan sebaya²⁹. Bagaimanapun, bagi remaja lelaki yang lewat matang, mungkin tidak menunjukkan sifat-sifat perhubungan yang negatif dengan ibu bapa mereka.³⁰

Umumnya remaja perempuan lebih merasai perubahan tersebut. Mereka melahirkan perasaan ingin bebas dan membentuk personaliti tersendiri serta tidak suka dikongkong dan diganggu oleh keluarga dan orang yang tertentu. Mereka menganggap semua remaja sudah mempunyai kematangan mental dan emosi.³¹ Sedangkan hakikatnya, dalam situasi begini kematangan sosial remaja memang diragukan kerana mereka belum mempunyai persediaan dan persiapan yang

²⁷ Muhd Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd Tamin(1984), *op.cit*, h. 22

²⁸ Rafeeaelli M. (1989), "We Were Just Talking ...: Conversation In Early Adolescence", *Journal of Youth and Adolescence*. Bil. 18. h. 567-582

²⁹ Ira J. Jordon (1975), *Human Development A Transactional Perspective*. London : Harber and Row Publisher New York. h.303

³⁰ Chiam Heng Keng, Fatimah Harun (1982) *op.cit* h. 71

³¹ Jacob, T. (1974), " Pattern of Family Conflict and Dominance as a Function of Age and Social Class" *Journal of Developmental Psychology*.Bil. 10, h. 8

lengkap. Sebab itulah mereka lebih terdedah kepada perangkap dadah, maksiat dan lain-lain apabila meninggalkan rumah dan keluarga.³²

Kesimpulannya, pada peringkat awal remaja, pertumbuhan fizikal remaja lelaki dan perempuan semakin ketara. Biasanya kebanyakan mereka boleh menerima perubahan tersebut. Bagaimanapun, dari sudut kawalan perasaan dan emosi serta dorongan seks lebih menguasai remaja berbanding kawalan mental. Pada peringkat ini remaja mula memberikan tindak balas terhadap rakan yang berlawanan jantina dan inginkan kebebasan yang mutlak dari kongkongan ibu bapa. Ini menyebabkan kematangan remaja masih diragui dalam segala tindak tanduk dan perlakuan mereka.

1.3.3 Peringkat Akhir Remaja

Peringkat ini berlangsung dari umur 18 sehingga 25 tahun di mana remaja mulai melihat diri mereka sebagai orang dewasa. Antara aspek perubahan-perubahan yang berlaku kepada remaja pada peringkat ini ialah :-

1.3.3(a) Aspek perkembangan jasmani

Pada peringkat ini, remaja telah mencapai pertumbuhan yang maksimum dari aspek ketinggian dan pertumbuhan badan. Tetapi bagi remaja lelaki, pertumbuhan badan mereka masih aktif.³³ Pertumbuhan anggota peranakan remaja perempuan dan lelaki semakin subur, seiring dengan timbul perasaan dan keinginan yang

³² Chiam Heng Keng, Fatimah Harun (1982) *op. cit* , h. 72

³³ Tang Chee Yee (1990), *op.cit.*, h. 110-111

sulit dalam jiwa mereka sehingga menimbulkan kesukaran dan masalah dalam hidup mereka. Tahap kesuburan ini akan kekemuncaknya pada umur 20 tahun bagi perempuan dan kira-kira pada umur 25 tahun bagi lelaki.³⁴ Mereka juga sudah dapat menerima perubahan pada fizikal dan mempunyai identiti seks yang kuat di mana lelaki menunjukkan sifat kelelawarnya dan perempuan dengan sifat kewanitaannya.³⁵

1.3.3(b) Aspek perkembangan mental

Pada peringkat ini, mental mereka semakin matang dan mirip kepada kedewasaan, baik dalam cara berfikir maupun dalam cara bertindak ke atas sesuatu rangsangan. Mereka boleh memahami sesuatu yang kompleks dan abstrak. Mereka juga mempunyai sikap mengkritik dan memahami kesulitan hidup manusia.³⁶ Kematangan dalam beragama dan bersosial diperolehi secara maksimum. Pada tahap ini juga, remaja berlumba-lumba untuk mendapat kecemerlangan akademik dan mendapatkan pekerjaan yang sesuai.³⁷

1.3.3(c) Aspek perkembangan emosi

Pada peringkat ini, remaja masih lagi mengalami ketegangan dan tekanan. Sifat inginkan kebebasan, mendorong mereka mengadakan hubungan rapat dengan orang lain selain dari ahli keluarga. Mereka melalui banyak pengalaman dalam

³⁴ Muhd Mansur Abdullah , Siti Nordinar Mohd. Tamin (1988), *op.cit.*, h. 45

³⁵ Anna Alisjah Banna, M. Sidaharta (1984), *op.cit.*, h.52-53

³⁶ Hassan Salleh (1962), *Sociologi Pendidikan*, Kelantan : Pustaka Aman Press, h. 10

³⁷ Barbara M. Newman, Philips R.Newman (1991), *op.cit.*, h. 428

kelompok rakan sebaya hasil daripada pergaulan. Pengalaman ini mempengaruhi pembentukan peribadi dan personaliti mereka dalam memasuki alam dewasa.

Perhubungan para remaja dengan rakan-rakan sebaya adalah lebih erat berbanding hubungan dengan keluarga atau ibu bapa mereka. Bagaimanapun, hubungan dengan ibu bapa menjadi lebih mudah berbanding pada peringkat awal remaja. Mereka sudah diberikan kebebasan dan kedudukan emosi semakin stabil kerana golongan dewasa sudah boleh menerima mereka.³⁸ Penerimaan masyarakat dan orang dewasa terhadap mereka juga mewujudkan keyakinan remaja akhir dalam pergaulan.³⁹

1.3.3(d) Aspek kematangan sosial

Remaja pada tahap ini menghadapi beberapa revolusi psikologi di mana mereka mampu memikul bebanan tugas sebagai orang dewasa. Mereka memperlihatkan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan mulai merasakan kurangnya ikatan dengan ibu bapa.⁴⁰ Menilai pandangan orang sekeliling adalah sifat yang ada pada peringkat ini. Ini menimbulkan kekeliruan dalam diri. Namun mereka terpaksa menghadapi dan menyelesaikannya selaku orang yang berimejkan dewasa.⁴¹

Di samping itu, remaja juga cuba mencari kesinambungan antara pengalaman lalu dengan tanggungjawab yang ada. Mereka menjadi lebih mengambil berat tentang

³⁸ Anna Alisjah Banna, M. Sidaharta (1984), *op.cit.*, h. 53

³⁹ Barbara M. Newman, Philip R. Newman (1991), *op.cit.*, h. 421

⁴⁰ Mitchell *et.al* (1989), "The Family Environmental and Learning The Parental Home", *Journal of Marriage And The Family*. Bil. 51, h. 605 - 614

⁴¹ Muhd Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd. Tamin (1988), *op.cit.*, h. 96

kehidupan. Bagaimanapun cara pemikiran pada tahap akhir remaja lebih terbuka dan cara berpolitik mereka lebih rasional berbanding remaja awal.⁴²

Kesimpulannya, pada peringkat akhir remaja, tekanan emosi, pencarian identiti dan konflik remaja semakin berkurangan. Ini kerana kehadiran mereka dalam masyarakat sudah boleh diterima dan ibu bapa mula memberikan kebebasan walaupun secara tidak total kepada remaja untuk membuat sebarang tindakan. Pengaruh emosi semakin berkurangan dan mereka mula mencapai kematangan pada peringkat perkembangan mental. Ini bererti pada peringkat akhir remaja, perkembangan dan kematangan remaja semakin terserlah dalam segenap aspek berbanding peringkat awal remaja.

Jelasnya, pada setiap peringkat perkembangan, remaja akan mengalami pelbagai perubahan yang akan menyerlahkan siapa diri mereka yang sebenarnya. Peringkat perkembangan ini amat penting kerana pada masa inilah remaja akan mula membentuk identiti dan personaliti mereka pada waktu dewasa. Perubahan yang berlaku dari sudut fizikal, mental dan emosi remaja pada peringkat pra remaja, awal remaja dan akhir remaja perlu diberikan bimbingan agar kendiri positif boleh terbentuk. Ini akan melahirkan generasi remaja yang matang, berfikiran positif dan mampu mengawal diri merka daripada perbuatan salahlaku dan keceluaran identiti.

⁴² *Ibid*, h. 96

1.4 Remaja dan Krisis Identiti Diri

Erik H. Erikson, seorang ahli psikologi melihat, zaman remaja sebagai satu peringkat kehidupan yang penting dan berfungsi sebagai satu transisi antara isu-isu penting yang berlaku dalam kehidupan seharian. Menurut beliau lagi, zaman remaja adalah satu tempoh di mana remaja dijangka menyediakan diri mereka bagi membina identiti sebagai persediaan untuk masa depan.⁴³ Ada remaja yang seolah-olah berada diambang pintu dan masih ragu-ragu apakah mereka mahu menempuh gerbang kedewasaan atau masih tetap menjadi kanak-kanak sahaja. Ertinya mereka mengalami konflik peribadi yang dikenali sebagai krisis identiti diri dengan kekeliruan peranan yang ada pada mereka.⁴⁴

Identiti ini dibina secara beransur-ansur berdasarkan kepada konsep kendirinya yang dihasilkan daripada interaksi dengan alam sekitar melalui pemerhatian, pembacaan dan pergaulan terutamanya dengan individu-individu yang dianggap penting dalam hidupnya. Oleh yang demikian, pembentukan identiti ini akan melibatkan perkembangan fizikal dan psikologi seseorang remaja.⁴⁵

Seiring dengan perkembangan mental remaja yang mula memahami perkara-perkara yang abstrak, individu remaja mula membentuk identiti hipotesis tentang diri mereka sendiri. Pada masa inilah remaja akan bertanya soalan-soalan seperti “siapakah aku?”, “apakah tujuan aku hidup?” dan “ke manakah arah tujuan hidup

⁴³ Erik H. Erikson (1983), “Theoretical Perspectives in The Study of Adolescence” dalam Gerald R. Adams dan Thomas Gullotta (ed.), *Adolescent Life Experiences*. California : Book Cole Publishing Co. h. 33

⁴⁴ Mahmood Nazar Mohamed (1992), *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Tingkah Laku Manusia*. KL : DBP., h. 219

⁴⁵ Atan Long (1982), “Identiti dan Krisis Identiti Peringkat Remaja” *Prosiding Persidangan Mengenai Kaum Remaja di Malaysia bertempat di U.M.* K.L.Utusan Publication Sdn. Bhd. h.38

aku ?" serta pelbagai persoalan lain yang mengelirukan remaja itu sendiri. Persoalan-persoalan seperti inilah yang menyebabkan remaja menghadapi pelbagai kerumitan dan masalah dalam mencari jawapan yang sesuai dengan diri mereka.⁴⁶

Manifestasi daripada keadaan ini dapat dilihat daripada kecenderungan mereka untuk berfantasi dan menjadikan dirinya sebagai watak penting dalam angan-angannya. David Elkind menamakan sifat ini sebagai *adolescent egocentrism*.⁴⁷ Pada masa ini remaja merasakan bahawa mereka sentiasa menjadi tontonan orang lain di sekelilingnya.

Menurut Hoge dan Mc Carthy, kesan daripada fenomena di atas menghasilkan dua kemungkinan, sama ada remaja menunjuk-nunjuk apabila merasakan mereka mempunyai kelebihan yang boleh dibanggakan ataupun mengasingkan diri apabila merasakan diri serba kekurangan.⁴⁸ Bagaimanapun menurut kajian lain keadaan ini bergantung kepada identiti hipotesis yang dibina oleh remaja itu sendiri.⁴⁹

Realitinya, remaja tidak boleh lari daripada pengalaman lepas yang telah diterima sebagai konsep kendirinya. Dengan itu, pembentukan identiti adalah berkait rapat dengan konsep kendiri seseorang remaja itu. Remaja yang mempunyai konsep kendiri yang baik berkemungkinan mempunyai identiti hipotesis yang positif.

⁴⁶ Mahmood Nazar Mohamed (1992), *op.cit.*, h. 219

⁴⁷ David Elkind (1969), "Egocentricism In Adolescence" dalam *R. Grinder Studies In Adolescence*. London : The Mac Millan Company, h. 497 - 506

⁴⁸ Hoge, D.R., Mc Carthy, J.D (1984), "Influence of Individual and Group Identity Salience in The Global Self-esteem of The Youth," *Journal of Personality and Social Psychology*. Bil.47, h.403-414

⁴⁹ Barbara M. Newman, Philips R.Newman (1991), *op.cit.*, h. 378

Sebaliknya, remaja yang mempunyai konsep kendiri yang negatif berkemungkinan mempunyai identiti hipotesis yang negatif juga.⁵⁰

Menurut Erikson pula, pembentukan identiti remaja sebenarnya bermula sejak alam bayi dan kanak-kanak lagi. Perasaan mahu mempercayai yang timbul pada bayi dan kanak-kanak yang sihat jiwanya menjadi teras kepada personaliti yang sedang berkembang. Sebaliknya kanak-kanak yang gagal membina keyakinan diri akan digangu oleh perasaan tidak selamat dan tidak berupaya untuk membina identiti diri semasa remaja. Dengan tiadanya rasa saling membantu dan kasih mengasihi semasa bayi dan kanak-kanak , proses identiti diperingkat remaja akan terjejas. Ini akan membuatkan individu tersebut merasa takut untuk meninggalkan tahap kanak-kanak dan mengorak langkah ke alam remaja dan dewasa.⁵¹

Perasaan takut dibayangi oleh peristiwa hitam yang pernah berlaku kepada diri individu remaja akan mempengaruhi sikap dan perlakuan remaja. Rasa marah, tidak puas hati dan dendam yang tidak berbalas akan mempengaruhi perlakuan dan sikap seseorang remaja. Hasilnya remaja tersebut akan bersikap *imaginary audience* yang membawa kepada perlakuan negatif seperti suka menyendiri , memberontak, pemarah, berdendam dan sebagainya.⁵²

Perkembangan fizikal juga telah memberikan kesan yang pelbagai kepada emosi para remaja. Pada peringkat ini para remaja, terutamanya remaja lelaki berangan-

⁵⁰ Kroger,J., Haslett, S.J (1988), "Separation – Individuation and Ego Identity Study", *Journal of Youth and Adolescence*. Bil 17, h. 58 – 80. Lihat sama Kamptner N.L , "Identity Development in Late Adolescence : Causal Modeling of Social and Familial Influences dalam *Journal of Youth and Adolescence*. Bil. 17, h. 493 - 514

⁵¹ Erikson E.H (1959), "The Problem Of Ego Identity", *Journal of Psychological Issues* 1, h. 101

⁵² David Elkind (1969), *op.cit.*, h. 497

angan untuk menjadi lelaki yang sejati tetapi mereka tidak tahu apakah fungsi dan makna sebenar seorang lelaki. Manakala bagi seseorang remaja perempuan, terdapat kekeliruan terhadap impian mereka. Justeru, keadaan inilah yang mendorong wujudnya golongan tomboi di kalangan kanak-kanak perempuan yang tidak dapat menerima perubahan fizikal mereka pada peringkat awal remaja.⁵³

Kesimpulannya, di dalam pembentukan identiti ini, seseorang remaja memerlukan bantuan dan bimbingan. Untuk membina identiti yang positif, seseorang itu memerlukan konsep kendiri yang positif juga. Di peringkat kanak-kanak, ibu bapa dan individu yang berada di sekeliling mereka memainkan peranan yang berkesan dalam pembentukan kendiri mereka. Manakala di peringkat remaja pula, seseorang itu perlu mendapat bimbingan supaya dapat membentuk identiti hipotesis yang positif. Mereka juga memerlukan bimbingan dalam proses penyesuaian menghadapi realiti yang tidak selaras dengan identiti hipotesis bagi mengelakkan berlakunya krisis identiti yang kronik dalam diri.

1.4 Remaja dan Hubungannya Dengan Persekutaran

Bagi mengkaji tentang psikologi remaja, penulis telah menggabungkan penyelidikan berkaitan dengan masalah remaja dan konflik yang dihadapi dalam bentuk hubungan mereka dengan persekitarannya meliputi hubungannya dengan keluarga, suasana dan persekitaran sekolah, masyarakat dan kerjaya.

⁵³ Rosenberg, M. et.al (1989), "Family Factors, Self- esteem and Adolescent Problems : Modelling Reciprocal Effects" *American Sociological Review*, vol. 54, h. 72

1.5 Remaja dan keluarga

Keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan kanak-kanak semenjak mereka kecil lagi. Kanak-kanak dan remaja seringkali menjadikan ibu bapa dan keluarga mereka sebagai *role model* mereka dalam mencari identiti mereka sendiri. Menurut *General Systems Theory* yang diperkenalkan oleh Von Bertalanffy (1968), bahawa penerimaan dalam kekeluargaan, komunikasi dan perasaan kebersamaan dalam keluarga paling banyak mempengaruhi kualiti seseorang remaja dalam hubungan sosial mereka sehari-hari.

1.5.1(a) Hubungan antara remaja dan keluarga

Hubungan kekeluargaan adalah faktor penting dalam pembentukan peribadi dan kendiri kanak-kanak. Ia menyediakan asas-asas yang utuh untuk perhubungan yang rapat, kukuh dan berkesan diperingkat remaja .

Remaja yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang kukuh dilaporkan berperasaan positif, mampu berdikari serta mempunyai potensi dan persepsi diri yang positif.⁵⁴ Keyakinan dan penerimaan dalam keluarga akan sendirinya menimbulkan *self confidence* dan keyakinan diri yang membina dalam diri individu remaja. Mereka juga berpotensi untuk menjalankan hubungan sosial yang baik dengan individu di sekitarnya.⁵⁵

⁵⁴ Adam G.R, Jones R.M. (1982) , “Adolescent Egocentrism : Exploration Into Possible Contributions of Parent-Child Relations ”, *Journal of Youth and Adolescence*. h. 25 - 31

⁵⁵ Noraini Ahmad (1995), *Kaunseling Remaja*. P.J : Budaya Ilmu Sdn. Bhd, h. 30

Remaja dan kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana kekeluargaan yang terlalu mengawal tindakan mereka pula akan menjadi kurang keyakinan diri dan adakalanya memberontak inginkan kebebasan dan mengenepikan piawaian yang ditetapkan oleh ibu bapa mereka.⁵⁶ Kekurangan hubungan mesra dalam keluarga juga menyebabkan anak-anak terbiar. Sesetengah daripada mereka bertindak di luar batasan undang-undang tanpa mendapat tentangan daripada ibu bapa. Ini secara tidak langsung melibatkan mereka dalam kegiatan-kegiatan anti sosial.

Ada juga ibu bapa yang menekankan anak-anak supaya meneruskan cita-cita dan impian mereka yang tidak kesampaian. Tekanan ini menyebabkan *stress* yang berkekalan dalam diri. Remaja akan cuba berusaha memenuhi impian tersebut, tetapi dalam masa yang sama, hubungan dengan ibu bapa menjadi semakin renggang, kerana sokongan untuk membina kebebasan dan otonomi tidak diperolehi. Manakala remaja yang dibesarkan dalam suasana keluarga yang sibuk dan kurang kasih sayang akan menghasilkan remaja yang sentiasa dalam keimbangan, tidak ada keyakinan diri, mementingkan diri sendiri dan sentiasa dalam kekecewaan.⁵⁷

Sistem nilai yang tidak seimbang dalam keluarga juga memberikan impak yang negatif dalam perhubungan sosial remaja. Sikap pilih kasih ibu bapa terhadap anak-anak akan mewujudkan perasaan tidak puas hati dan dendam dalam diri individu remaja. Perasaan tidak puas hati tersebut akan cuba diluahkan dengan cara pemberontakan dan perlakuan negatif yang lain.

⁵⁶ Barbara M. Newman, Philip R. Newman (1991), *op.cit.*, h. 417 - 419

⁵⁷ Robertson, J.F., Simons, R.L., (1989), "Family Factors, Self-esteem and Adolescent Depression", *Journal of Marriage and The Family*. vol. 51, h. 456

Kesimpulannya, hubungan kekeluargaan memainkan peranan yang penting dalam penyediaan asas seseorang individu. Hubungan kekeluargaan yang erat, mesra dan penuh kasih sayang sejak dari anak-anak kecil lagi akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan seseorang individu apabila mereka dewasa. Manakala anak-anak yang dilahirkan dalam suasana hubungan kekeluargaan yang kurang kasih sayang dan perhatian keluarga akan membesar sebagai individu yang bermasalah. Justeru, hubungan positif perlu diwujudkan dalam setiap keluarga untuk melahirkan remaja yang bebas dari masalah salahlaku akhlak.

1.5.1(b) Komunikasi antara remaja dan keluarga

Skill komunikasi yang positif dalam keluarga seperti perasaan simpati, kemahiran mendengar dan sokongan komentar yang baik akan mewujudkan komunikasi dua hala yang erat dalam keluarga. Ini membolehkan anak-anak berkongsi masalah dan keperluan mereka dengan ibu bapa. Justeru, remaja yang dilahirkan dalam keluarga yang mempunyai komunikasi yang positif biasanya akan terhindar daripada nilai-nilai moral yang negatif.

Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Prof. Chiam Keng Heng dan Fatimah Haron, kebanyakan remaja biasanya hanya membincangkan topik-topik akademik / vokasional, sosial dan etika, hubungan kekeluargaan dan beberapa topik formal dengan ibu bapa dan keluarga. Terlalu sukar untuk mencari remaja yang berbincang masalah peribadi dan perasaan mereka dengan ibu bapa.⁵⁸

⁵⁸ Chiam Heng Keng, Fatimah Haron (1982), *op.cit.* h. 71

Kajian yang dilakukan oleh Laurence Steinberg terhadap remaja di Amerika Syarikat pada tahun 1987 mendapati bahawa komunikasi dan interaksi antara remaja lelaki dan remaja perempuan dengan ibu bapa mereka adalah berbeza pada peringkat awal remaja. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa interaksi antara ibu bapa dan anak-anak lelaki yang berumur antara 11 hingga 14 tahun sebagai interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak. Apabila remaja lelaki menuju ke tahap awal kematangan, ibu bapa sering mengganggu aktiviti anak-anak lelaki mereka. Hubungan dengan ibu bapa semakin renggang dan interaksi antara mereka semakin *rigid*. Bagaimanapun, selepas tahap kematangan anak-anak lelaki sampai kekemuncak (memasuki alam dewasa), konflik tersebut semakin berkurangan. Hubungan anak-anak lelaki dan bapa menjadi lebih dominan berbanding ibu.⁵⁹

Bagaimanapun, situasi dipihak remaja wanita adalah berbeza.⁶⁰ Dalam pertumbuhan remaja perempuan, ibu bapa sering mendampingi anak-anak perempuan mereka melalui perbualan. Remaja perempuan lebih senang melakukan perbincangan dengan ibu mereka tetapi bukan dengan bapa. Kadang-kadang mereka tidak suka perbualan mereka dengan ibu diketahui oleh bapa. Apabila remaja perempuan mencapai kematangan, ibu bapa dilihat banyak memberi penjelasan dan menghormati perbezaan pandangan mereka.

Kesimpulannya, mekanisme komunikasi terhadap setiap individu remaja adalah berbeza. Ada remaja yang boleh ditegur secara tegas dan ada yang sebaliknya. Ada yang perlu secara langsung dan ada yang perlu secara kiasan dan sindiran.

⁵⁹ Jacob,T., (1974), "Pattern of Family Conflict and Dominance as a Function of Age and Social Class", *Journal Developmental Psychology*, vol 10, h. 315

⁶⁰ Hill, J.P, (1988), *op.cit.*, h. 221

Segalanya bergantung kepada didikan ibu bapa, keluarga dan sensitiviti remaja itu sendiri. Justeru, ibu bapa seharusnya sedar dan tahu usul terbaik mendekati anak remaja mereka.

1.5.1(c) Konflik antara remaja dan keluarga

Apabila individu remaja menjalani proses awal remaja, konflik dengan ibu bapa menjadi semakin meningkat. Salah faham dan konflik antara remaja dan keluarga seringkali menyebabkan mereka tidak bertegur sapa. Perbualan pula biasanya dilihat dalam peringkat baru diantara kedua-dua belah pihak.⁶¹ Kebanyakan komunikasi yang diberikan oleh ibu bapa lebih bersifat suruhan dan arahan. Amat jarang sekali ibu bapa yang boleh duduk semeja berunding dengan anak remaja mereka dengan cara yang sebaiknya.⁶²

Konflik antara remaja dan keluarga ini biasanya berlaku berpunca daripada tiga faktor utama. Antaranya ialah hasil daripada sikap remaja sendiri yang merasakan bahawa mereka sudah mampu berdikari. Justeru, remaja inginkan kebebasan dan layanan seperti orang dewasa. Bagaimanapun, dipihak ibu bapa, mereka masih tidak memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada remaja. Remaja awal biasanya masih dilayan sebagai kanak-kanak.⁶³

Faktor kedua disebabkan oleh jurang perbezaan antara generasi yang terlalu besar. Ibu bapa mereka dilahirkan dalam suasana yang berbeza dengan anak-anak remaja pada masa sekarang. Pendidikan dan kawalan yang mahu diterapkan ke dalam diri

⁶¹ Ira J. Jordon (1975), *op.cit.*, h. 359 -360

⁶² Chiam Heng Keng, Fatimah Haron (1982), *op.cit.*, h. 72

⁶³ Hill (1988), *op.cit.*, h. 223

anak-anak mereka diambil daripada corak pendidikan yang telah diterima oleh datuk nenek mereka dahulu. Sedangkan corak didikan tersebut tidak sesuai digunakan pada masa sekarang disebabkan oleh perubahan masa, zaman dan suasana. Anak-anak remaja merasakan bahawa ibu bapa mereka masih kolot dan tidak *open minded*. Keadaan inilah yang seterusnya menimbulkan konflik dalam diri remaja yang akhirnya menyebabkan mereka memberontak.⁶⁴

Pengaruh persekitaran terutamanya pengaruh rakan sebaya, masyarakat dan media massa sama ada media elektronik mahupun media cetak turut menyumbang kepada berlakunya konflik antara remaja dan keluarga. Emosi remaja yang kurang stabil dan cepat tertekan ditambah lagi dengan sikap suka mencuba akan cepat mempengaruhi para remaja.⁶⁵ Isu-isu kewujudan konflik yang kronik antara remaja dan ibu bapa akan mempengaruhi minda golongan remaja. Inilah seterusnya yang ditanamkan dalam pemikiran mereka sehingga fenomena ini betul-betul wujud dan diaplikasikan dalam kehidupan mereka.⁶⁶

Kajian oleh Anne C. Peterson (1987) menyatakan bahawa apabila memasuki zaman remaja akhir, iaitu selepas mereka mengalami tahap kematangan, konflik antara ibu bapa dan remaja menjadi semakin berkurangan. Fenomena ini berlaku kerana pada peringkat ini, remaja sudah mula diterima sepenuhnya sebagai orang dewasa dalam masyarakat.⁶⁷ Malahan, mereka juga telah mendapat kebebasan berfikir, bercakap dan bertindak walaupun tidak sepenuhnya. Kematangan emosi

⁶⁴ Mahmood Nazar Mohamed (1994), *op.cit.*, h. 219 - 220

⁶⁵ Simmons, R.G. et.al (1987), *Moving Into Adolescence : The Impact of Pubertal Change and School Context*. New York : Aldine De Gruyter, h. 346

⁶⁶ Mahmood Nazar Muhamad (1994), *op.cit* , h.221

⁶⁷ George S. Garrison (1990), *The World of Children Development : Conception To Adolescence*. New York : Delmer Publisher Inc. h. 499

dan fizikal juga mempengaruhi remaja akhir untuk menentukan keputusan yang bakal diambil.⁶⁸

Hakikatnya, konflik antara ibu bapa dan anak-anak sebenarnya adalah salah satu daripada pencapaian autonomi untuk mengekalkan ikatan dan kasih sayang yang telah dijalankan semenjak awal lagi. Terdapat suatu tekanan dalam memelihara kasih sayang yang sedia ada dalam nilai kekeluargaan dan remaja sebenarnya cuba meneroka pengalaman baru untuk diri sendiri.

1.5.2 Remaja dan sekolah

Dalam membincangkan perkara yang berkaitan dengan remaja dan sekolah, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian antaranya hubungan antara remaja dan guru, rakan sebaya, pelajaran dan suasana persekolahan sendiri meliputi suasana ,kedudukan, kemudahan infrastuktur dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah.

1.5.2(a) Hubungan remaja dan guru

Guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi seseorang individu selepas keluarga mereka. Guru dianggap sebagai pembimbing kedua yang dapat membentuk dan mengubah acuan akhlak dan sikap seseorang remaja Kemampuan guru membimbing, memberi tunjuk ajar dan nasihat, menegur serta memberikan contoh teladan yang baik akan menjadi ukuran turun atau naiknya

⁶⁸ Jacob, T., (1974) *op.cit.* h. 12

nilai akhlak dan moral pelajar. Penanaman rasa keyakinan dan harga diri akan membentuk peribadi positif dan moral yang baik dalam diri individu remaja.⁶⁹

Interaksi dan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar dalam bilik darjah amat penting dalam membentuk peribadi remaja. Pengajaran guru yang kurang berkesan, selalu memberikan gambaran kesusahan sesuatu subjek, mengajar sambil lewa serta tidak ada persediaan mengajar menjadi faktor penyebab mengapa pelajar ponteng sekolah dan tidak mampu mencapai kecemerlangan dalam akademik mereka. Model negatif yang ditunjukkan oleh guru juga akan menghasilkan impak negatif dalam diri remaja.⁷⁰ Sikap guru yang kasar serta kurang memberikan tumpuan terhadap pelajar yang lemah akan menyebabkan pelajar tersebut terus terpinggir dalam pelajaran mereka.

Perlu juga diingat bahawa peranan guru bukan sekadar mengajar dalam kelas tetapi mereka juga bertanggungjawab membimbing pelajar untuk mengubah sikap agar mencapai kebahagian yang sebenar. Dalam persekitaran sekolah, guru perlu berperanan sebagai pengganti ibu bapa.⁷¹

Kesimpulannya, guru memainkan peranan yang penting setelah ibu bapa bagi memberikan teladan dan bimbingan terhadap anak-anak remaja dalam proses mereka mencari identiti diri. Setiap guru harus sedar bahawa tanggungjawab mereka terhadap pelajar amat besar bukan hanya untuk membimbing dalam pelajaran, malah merangkumi segala aspek, termasuk akhlak, perlakuan, cara pemakaian dan sebagainya.

⁶⁹ Mohd Kamal Hassan (1988), *Pendidikan dan Pembangunan*. K.L : Nurin Interprise, h. 17 - 20

⁷⁰ Chiam Heng Keng, Nik Azis Nik Pa (1982), *op.cit.* h. 45

⁷¹ Nik Azis Nik Pa (1990), "Pelajar yang berdisiplin : Konsepsi dan agenda bertindak" *Jurnal Jabatan Kebajikan Masyarakat*, vol.II, No. 1, Jun 1990, h. 18

1.5.2(b) Hubungan remaja dengan rakan sebaya

Menurut kajian oleh Raffaelli & Duckett, dalam peringkat usia remaja, seseorang individu akan menjalankan hubungan yang lebih rapat dengan rakan sebaya mereka berbanding dengan keluarga mereka sendiri. Fenomena ini berlaku kerana sebahagian besar masa remaja dihabiskan di sekolah setiap hari bersama rakan sebaya mereka. Segala masalah dan pengalaman dikongsi bersama dengan rakan sebaya.⁷²

Keahlian dalam rakan sebaya merupakan permulaan kepada keahlian mereka untuk masuk ke dalam masyarakat yang sebenar. Walaupun kumpulan rakan sebaya dikalangan mereka kurang teratur berbanding pergaulan orang-orang dewasa dalam masyarakat, namun ianya adalah lebih baik daripada tahap pergaulan kanak-kanak. Sebagai ahli kumpulan rakan sebaya, para remaja memiliki pengaruh yang lebih kuat berbanding jika mereka seorang diri⁷³.

Mereka mula memahami nilai golongan secara kolektif dan menyemai kemahiran kognitif bagi mempertimbangkan keperluan dan perasaan orang lain. Individu remaja juga menguji teori mereka dengan berkongsi fikiran bersama-sama rakan sebaya bagi mengetahui kelemahan mereka.⁷⁴

Melalui kumpulan rakan sebaya juga, individu remaja mula mempelajari teknik yang betul untuk mendekati dan bergaul dalam sesebuah kumpulan sosial. Mereka

⁷² Raffaelli,M., Duckett, E. (1989), *op.cit.*, h. 89

⁷³ Ira J. Jordon (1975), *op.cit.* h. 316

⁷⁴ Barbara M. Newman, Philip R. Newman(1991), *op.cit* h. 420

berpeluang mengembangkan aspirasi untuk mempertingkatkan lagi latar belakang sosial. Malahan, rakan sebaya boleh membentuk individu membina identiti kendiri dan menerima perubahan alam sekitar.⁷⁵

Interaksi antara remaja dan rakan sebaya amat penting untuk perkembangan psikologi yang lebih teratur, berstruktur dan stabil. Implikasi daripada perhubungan ini akan menyediakan peluang bagi keintiman emosi, sokongan dan persefahaman, sekaligus sebagai teman untuk bergembira. Kumpulan rakan sebaya juga mampu menawar dan menyebarkan perasaan harga diri dan melindungi mereka daripada perasaan kesunyian. Apabila terdapat konflik keluarga, sebahagian remaja mencari rakan sebaya untuk meluahkan masalah dan mencari ketenangan diri. Jadi tidak hairan dalam kebanyakan kes, nilai peribadi seseorang diubahsuai dan dibentuk oleh rakan sebaya untuk menghasilkan kebersamaan dalam ahli kumpulan.⁷⁶

Justeru, tidak mustahil remaja akan mudah terikut dengan *trend* dan perlakuan rakan sebayanya untuk membolehkan mereka diterima dalam lingkungan rakan tersebut.⁷⁷ Kebiasaan faktor utama yang mempengaruhi kumpulan rakan sebaya ialah faktor penampilan fizikal, faktor kepopularan sama ada dari sudut akademik mahupun sukan dan lain-lain serta kemahiran tertentu dalam sesuatu bidang.⁷⁸

⁷⁵ Delgado-Gaiton,C. (1986), "Adolescent Peer Influence And Differential School Performance". *Journal of Adolescent Research*, 1, h. 456

⁷⁶ Op.cit. h.221

⁷⁷ Stevenson, B.W., et.al. (1987), "Profiles of Mod Revivalists : A Case Study of Reemerging Adolescent Group", *Journal of Adolescence*. vol 22, h. 345

⁷⁸ Musa, K.E., Roach, M.E. (1973), "Adolescent Apperarance and Self-concept", *Journal of Adolescence*. Bil. 8, h. 381

Pada tahap ini juga remaja mula menunjukkan minat terhadap jantina yang berlawanan jenis. Perasaan ingin tahu dan ingin mencuba selalunya mendorong remaja dan rakan sebaya terjerumus ke dalam perbuatan yang terlarang dan merosakkan akhlak mereka.

Konflik antara remaja akan tetap dirasai oleh golongan remaja. Konflik tersebut timbul disebabkan oleh ketiadaan kepercayaan kepada diri sendiri apabila berada didalam sesetengah pergaulan yang memaksanya menyertai jenis lain. Pada masa ini, adakalanya remaja merasa tidak sesuai, lalu mewujudkan keraguan dalam diri.⁷⁹

Kesimpulannya, hubungan yang positif antara remaja dan rakan sebaya akan dapat diwujudkan jika sekiranya remaja diberikan suasana yang membina dan mendapat kawalan serta bimbingan daripada ibu bapa mereka sendiri.

1.5.2(c) Remaja dan pelajaran

Pada peringkat usia remaja, pelajaran yang diajarkan lebih kompleks dan mencabar berbanding peringkat sekolah rendah. Pada ketika ini remaja mula menunjukkan kecenderungan yang positif terhadap pelajaran dan mampu untuk menyelesaikan permasalahan pelajaran yang susah seperti matematik dan sejarah.. Malah mereka juga mula memikirkan persoalan-persoalan yang rumit seperti hal-hal politik, keagamaan, ekonomi, hubungan dengan dunia luar dan sebagainya. Remaja yang berfikiran positif akan memandang kejayaan dalam pelajaran sebagai perkara utama yang perlu dikejar dalam usaha membina identiti diri.

⁷⁹ Mustafa Fahmi (1976), *op.cit.*, h. 188

Mereka mula serius terhadap aktiviti-aktiviti luar yang bersifat kepimpinan dan sukarelawan. Manakala remaja yang berfikiran negatif akan merasakan bahawa pelajaran adalah sesuatu yang membebankan hidup mereka. Perasaan bosan menghadap pelajaran akan mendorong mereka ponteng sekolah, meniru rakan dalam menyelesaikan kerja rumah dan melakukan pelbagai salahlaku disiplin sekolah.⁸⁰

Sikap ibu bapa yang tidak mengambil tahu pelajaran anak-anak dan tidak pernah mengetahui markah dan prestasi anak mereka juga menjadi punca anak-anak remaja mereka tidak minat dalam pelajaran. Ditambah lagi dengan sikap pihak sekolah yang hanya mementingkan *exam oriented* serta penekanan terhadap akademik semata menyebabkan lahirnya golongan remaja yang bermasalah.⁸¹

Kesimpulannya, remaja yang berjaya dalam pelajaran adalah remaja yang mempunyai kendiri yang positif terhadap apa yang mereka lakukan. Malah galakan dan sokongan ibu bapa amat penting dalam membina sikap positif dan minat remaja yang tinggi terhadap pelajaran. Guru dan rakan sebaya juga penting untuk memberi galakan dan mewujudkan persaingan sihat kepada remaja dalam mencapai kecemerlangan dalam pelajaran mereka.

⁸⁰ Chiam Heng Keng, Nik Azis Nik Pa, (1982), *op.cit.* h. 48

⁸¹ Nik Azis Nik Pa (1990), "Pelajar Yang berdisiplin : Konsepsi dan Agenda Bertindak", *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. vol. 11, No. 1, Jun 1990, h. 18

1.5.2(d) Remaja dan suasana persekitaran sekolah.

Lokasi dan suasana pembelajaran dalam bilik darjah serta kemudahan yang terdapat di sesebuah sekolah juga memainkan peranan penting dalam merangsang minat remaja ke sekolah dan cintakan pelajaran mereka.

Kelas yang sempit, padat, panas dan ramai menimbulkan ketidakselesaan bagi pelajar untuk menghadapi pelajaran mereka. Penumpuan yang sepatutnya tidak dapat diberikan oleh para pelajar terhadap pelajaran yang diajarkan. Fenomena ini menyebabkan pelajar malas untuk belajar dan ketinggalan dalam pelajaran mereka. Malahan alasan inilah yang digunakan oleh sesetengah remaja untuk bermain dalam kelas dan ponteng sekolah.⁸² Pihak guru sendiri tidak dapat memberikan tumpuan kepada pelajaran yang hendak diajar kerana kepanasan dan kebisingan para pelajar. Pihak guru juga tidak dapat menilai kefahaman pelajar terhadap satu-satu pelajaran jika terlalu ramai pelajar dalam kelas.⁸³

Kemudahan infrastruktur yang lengkap dan bantuan alat bantu mengajar yang mencukupi akan merangsang pelajar cemerlang dalam pelajaran mereka. Bantuan teknologi maklumat dan kemudahan komputer akan memudah dan mempercepatkan lagi pelajar mencari maklumat dan rujukan.

Kegiatan ko-kurikulum dan aktiviti sukan serta latihan-latihan tertentu memberikan manfaat yang besar kepada para remaja. Melalui aktiviti ko-kurikulum yang teratur dan berkesan akan melahirkan pelajar yang berdisiplin, bersemangat serta mempunyai pendedahan terhadap sikap kepimpinan dan nilai

⁸² Glasser, W. (1965). *Reality Therapy*. New York : Harper & Roll, h. 165

tanggungjawab berpasukan, tanggungjawab terhadap diri sendiri dan sebagainya. Malah melalui kegiatan dan aktiviti di sekolah akan memberikan ruang kepada pelajar memenuhi masa yang terluang dengan kegiatan yang berfaedah kepada diri mereka.⁸⁴ Ketiadaan dan kekurangan aktiviti sekolah juga menyebabkan remaja tidak ada sesuatu yang bermanfaat bagi mengisi masa lapang mereka. Ini memberikan peluang kepada mereka untuk terlibat dalam gejala yang tidak sihat.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Khairuddin Hj. Ibrahim pada tahun 1985, beliau mendapati bahawa salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya penglibatan muda mudi dalam aktiviti sosial ialah kerana kurangnya keyakinan atau dorongan untuk terlibat dalam aktiviti berkenaan. Ini menyebabkan ramai muda mudi terlibat dalam pelbagai kegiatan tidak sihat.⁸⁵

Kesimpulannya, suasana kelas atau bilik darjah, kegiatan ko-kurikulum dan kemudahan – kemudahan tambahan yang lain seperti komputer dan sebagainya amat penting dalam perkembangan remaja yang positif dan menghindarkan mereka daripada terlibat dalam gejala salah laku akhlak.

1.5.3 Remaja dan masyarakat

Masyarakat merupakan cerminan kepada remaja. Ini kerana remaja akan membentuk diri mereka berdasarkan pandangan dan penilaian daripada masyarakat setempat. Remaja menyedari bahawa mereka terpaksa mengikut

⁸³ Mohd Amin H.A Shariff (1998), *op.cit.*, h. 53

⁸⁴ *Ibid.*, h. 65-67

⁸⁵ Khairuddin Hj. Ibrahim (1985), "Dasar dan Strategi Asas Anti Dadah Negara ", (Kertas kerja di Persidangan Kebangsaan Pengaruh Ibu bapa Dalam Pencegahan Dadah yang berlangsung pada 26-27 Oktober 1985 di Kuala Lumpur)

norma-norma masyarakat dan kebudayaan yang sedia ada.⁸⁶ Justeru, tidak hairanlah jika sikap masyarakat bandar yang individualistik menjadi antara penyebab berlakunya banyak gejala sosial berbanding masyarakat desa yang lebih mengamalkan sikap mengambil berat antara satu sama lain.

Remaja banyak menilai baik dan buruknya perlakuan mereka berdasarkan penilaian baik dan buruk di mata masyarakat di mana mereka tinggal. Sekiranya apa yang dilakukan diberikan pengiktirafan, maka remaja akan memperkuuhkan tingkahlaku tersebut. Sebaliknya jika tingkah laku tersebut mendapat cemuhan masyarakat, maka mereka menganggap bahawa tingkahlaku tersebut adalah salah. Malahan *trend* berpakaian dan perlakuan masyarakat akan dicedok secara bulat oleh golongan remaja sekiranya tidak ada kawalan daripada keluarga mereka.

Dalam pergaulan dengan masyarakat ini, remaja mula mengambil kira penampilan diri mereka dari sudut rupa paras, keadaan fizikal seperti tinggi atau rendah dan gemuk atau kurus. Faktor-faktor ini kadangkala menimbulkan konflik dan masalah dalam jiwa remaja yang mempengaruhi hubungan sosial mereka dengan masyarakat. Mereka juga mula memikirkan penerimaan orang lain terhadap diri mereka.⁸⁷

Sikap masyarakat yang segera menundung jari kepada remaja apabila berlakunya masalah moral seolah-olah mereka adalah stigma negatif yang amat menakutkan. Situasi sedemikian mewujudkan pemberontakan dan kekeliruan dalam diri remaja.

⁸⁶ Barbara M. Newman, Philips R. Newman (1991), *op.cit.*, h. 377

⁸⁷ *Ibid*, h. 367

Keadaan ini seterusnya akan mendorong remaja lebih bersikap agresif dan memburukkan lagi kekeruhan yang sedia ada.⁸⁸

Jelasnya, masyarakat di sekeliling remaja berperanan dalam mempengaruhi sikap dan tindakan remaja.⁸⁹ Ini kerana segala tindakan remaja adalah untuk membolehkan mereka diterima dalam lingkungan masyarakat sekitar. Justeru, remaja banyak mengambil kira penerimaan dan pandangan masyarakat terhadap diri sendiri agar mereka lebih kelihatan dewasa.

1.5.4 Remaja dan kerjaya

Dalam peringkat usia remaja terutamanya pada akhir remaja, individu akan mula berfikir secara serius terhadap masa depan pelajaran dan kerjaya yang ingin mereka ceburi. Ini adalah kerana :

- a) Pemilihan kerjaya yang dibuat diperangkat ini sedikit sebanyak menentukan corak kerjaya yang akan dimasukinya apabila dewasa kelak.
- b) Kerjaya menentukan identitinya di waktu dewasa.
- c) Kerjaya menentukan taraf atau kedudukannya dalam masyarakat dan taraf mempunyai kesan terhadap nilai, sikap dan gaya hidup.
- d) Kerjaya memenuhi keperluan hidup.⁹⁰

Pengaruh pemilihan kerjaya disebabkan oleh beberapa faktor antaranya keluarga, kemampuan diri, minat dan kecenderungan dan pengaruh rakan sebaya serta pengaruh orang yang dianggap istimewa oleh remaja.⁹⁰

⁸⁸ Rubiah Kulop Hamzah (1994), *op.cit.*, h. 21

⁸⁹ Caplow T. (1954), *The Sociology of Work*, New York : Mc Graw Hill, h. 38

⁹⁰ Barbara M. Newman, Philips R. Newman, (1991), *op.cit.* h. 324

Bagaimanapun, kajian lain yang dilakukan oleh O'Neil dan rakan-rakannya di Barat menunjukkan ada enam faktor utama yang mempengaruhi remaja dalam memilih kerjaya. Antaranya ialah kesedaran individu, psikologi dan emosi individu, sosio-ekonomi keluarga, pengaruh sosial, ibu bapa dan keluarga serta persekitaran. Daripada faktor di atas, faktor individu yang meliputi keupayaan diri, minat, sikap dan pengharapan, memainkan peranan yang paling utama.⁹¹

Perkembangan remaja mencapai kemuncaknya apabila mereka melibatkan diri dalam sesuatu kerjaya. Bila remaja mula menjawat pekerjaan ataupun sekurang-kurangnya menjalani sesuatu latihan profesional dengan bersungguh-sungguh mereka mungkin dapat mengatasi sifat *egosentrik kognitif* yang ada dalam diri. Penglibatan dalam sesuatu kerjaya juga menjadi keperluan untuk mendapatkan kesetiaan, autonomi, inisiatif dan kerajinan. Justeru, keyakinan dan rasa tanggungjawab akan lebih menyerlahkan kedewasaan dan mematangkan mereka.

Kesimpulannya, zaman remaja merupakan satu tahap yang akan dilalui oleh setiap individu. Pada peringkat ini, perubahan yang ketara dari sudut perkembangan fizikal akan mempengaruhi perubahan emosi, mental, intelektual dan seks mereka. Ada remaja yang menerima perubahan tersebut dengan perasaan positif dan ada yang sebaliknya. Justeru, ini mewujudkan konflik identiti dalam diri remaja. Mereka mula mencari dan membentuk identiti mereka yang tersendiri. Pada ketika inilah, ibu bapa, keluarga, rakan sebaya, guru-guru dan masyarakat sekitar perlu memberikan perhatian, sokongan dan galakan agar mereka boleh membentuk kendiri yang positif.

⁹¹ O'Neil et.al (1980), "Research on A Workshop To Reduce The Effects of Sexism And Sex-role Socialization On Women's Career Planning", *Journal of Counseling Psychology*, 27, h.355-363